

**SOAL JAWAB DENGAN KETUA PENGARAH JABATAN
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, DATUK DR. PANG CHAU LEONG**



Bagaimana Datuk melihat kepentingan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di Malaysia dalam mencapai sebuah negara maju?

Chau Leong: Dianggarkan 60 peratus daripada 1.5 juta peluang pekerjaan baharu di negara ini iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ke-11

(RMK-11) memerlukan pekerja yang mempunyai kelayakan *Technical and Vocational Education (TVET)*.

Ia merupakan prasyarat penting untuk membolehkan Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020 iaitu dengan meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi kepada satu angka yang memberangsangkan.

Jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk menjadi negara maju adalah sekurang-sekurangnya 35 peratus.

Bagaimana Datuk melihat transformasi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang dilaksanakan oleh MARA dalam memenuhi permintaan industri?

Selari dengan pemacu perubahan yang digariskan dalam RMK-11 iaitu 'Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri', perkara pokok yang perlu diberi perhatian utama adalah melibatkan program TVET. Sehubungan itu, usaha memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah penting selain meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat anak muda terhadap TVET.

Apa yang saya lihat, MARA yang telah melaksanakan latihan kemahiran sejak tahun 1960-an wajar diberi nafas baharu.

Suntikan idea-idea segar dari semasa ke semasa perlu dilaksanakan, sekali gus menjadikan TVET sentiasa relevan dalam memenuhi keperluan industri dan sektor pekerjaan.

Setiap institusi TVET di negara ini termasuk yang

dikendalikan oleh MARA perlu dipertingkatkan bagi membolehkan kebolehan pasaran graduan dapat dicapai.

Bagaimana Datuk melihat peranan yang dimainkan oleh MARA dalam pembangunan TVET negara ini?

MARA telah memainkan peranan penting dalam sistem TVET negara terutamanya dalam menambah tenaga kerja yang berkemahiran tinggi serta menyeragamkan persijilan yang dikeluarkan oleh pelbagai agensi dan institusi TVET.

Sehubungan itu, MARA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan penyelarasan dan penyeragaman kelayakan yang dikeluarkan oleh pihak MARA dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang dikendalikan oleh JPK.

Ia satu inisiatif dan langkah yang sangat penting telah dimainkan oleh MARA. Usaha MARA dalam memartabatkan TVET di negara ini harus dipuji.